

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 12.11.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 9

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kos-kos subsidi terhadap barang- barang kawalan, sama ada kos-kos subsidi ini dapat ditampung Kerajaan, serta usaha Kerajaan untuk mengatasi ketirisan subsidi barangan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Barang - barang kawalan di bawah kawal seliaan kementerian di mana kerajaan ada memperuntukkan subsidi adalah seperti **Ron95, Diesel, Tepung Gandum Kegunaan Am, Minyak Masak Dan Gas Petroleum Cecair (LPG).**

Bagi tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan bajet bagi membiayai subsidi ke atas **tiga (3)** barang kawalan iaitu tepung gandum kegunaan am berjumlah RM40 juta, minyak masak RM600 juta dan sehingga Ogos 2019 gas petroleum cecair (LPG) sebanyak RM1.1 juta.

Kos - kos subsidi ini jika diambil kira memang merupakan sesuatu yang **(unsustainable) dengan izin** untuk jangka masa yang panjang. Sebagai contoh bagi Ron95, harga pasarannya pada masa kini adalah **RM 2.27** seliter. Demi membolehkan stesen minyak menjual Ron95 pada harga siling RM2.08 seliter, kerajaan terpaksa menampung **RM 0.19 seliter**, atau **RM 64.91 juta seminggu** dan ini merupakan sistem subsidi secara pukal. Di bawah sistem ini, kerajaan telah membelanjakan sejumlah lebih kurang RM 2.7 Billion bagi subsidi Ron95 pada tahun 2018.

Apa yang jelas adalah subsidi petrol secara pukal ini selain daripada membantu golongan berpendapatan rendah (B40) membeli petrol pada harga yang berpatutan tetapi ia juga menyebabkan golongan berpendapatan tinggi (T20) menikmati lebih banyak subsidi petrol kerana mereka mempunyai kemampuan perbelanjaan yang lebih tinggi. Selain daripada itu sebagai contoh, warganegara Malaysia dan mereka yang bukan berwarganegara Malaysia juga secara langsung menikmati subsidi petrol daripada pihak kerajaan. Selain daripada itu negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran seperti Johor, Perlis, Kelantan dan Kedah juga mendapati bahawa pemilik kenderaan dari luar ikut mengisi petrol bersubsidi ini dan mereka juga menikmati harga rendah Ini merupakan suatu yang tidak saksama dan adil serta merupakan salah satu punca ketirisan berlaku.

NO SOALAN : 9

Oleh yang demikian, selain daripada Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Kerajaan akan menggantikan sistem subsidi secara pukal itu dengan program yang dinamakan Program Subsidi Petrol iaitu pemberian subsidi Ron95 secara bersasar supaya hanya mereka yang layak, iaitu dikategorikan sebagai B40 dan M40 sahaja yang menerima subsidi.

Selain daripada itu, secara amnya, bagi mengatasi ketirisan subsidi untuk barangan kawalan lain, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan memperkemaskan mekanisme pemberian subsidi, pelaksanaan operasi, penangkapan, siasatan dan operasi yang menyeluruh. Setakat ini Kementerian telah melaksanakan usaha seperti berikut:

- (a) taklimat bersepadu;
- (b) pemeriksaan menyeluruh terhadap rangkaian pengedaran barang kawalan bersubsidi;
- (c) kaedah baru kawalan antara negeri;
- (d) memperkukuhkan strategi risikan; dan
- (e) tindakan membekukan kuota.

Sekian, terima kasih.